

# Hanya Cina ahli Akar diterima sertai Umno

BH 22 MAY 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Isnin – Kebenaran kepada kaum Cina di Sabah menyertai Umno hanya terhad kepada ahli parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dibubarkan semalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno menjelaskan, kebenaran itu adalah keistimewaan khas yang diberikan kepada bekas ahli Akar bagi membolehkan mereka menyertai Umno.

"Saya minta maaf kerana sema-

lam saya buat kenyataan iaitu dibuka kepada semua orang Cina di Sabah... tidak benarlah kenyataan itu. Yang saya maksudkan ialah ahli Akar.

"Mereka ini betul-betul ingin menyertai Umno dan keputusan dibuat supaya orang yang berminat menyertai Umno daripada Akar diterima semua," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama kira-kira empat jam di sini, petang ini.

Laporan akhbar hari ini menyebutkan, Umno, sebuah parti Melayu, buat pertama kali menerima kaum Cina menyertainya bagi menampung ahli Akar yang dibubarkan.

**Jawatankuasa khas kaji jumlah pelajar Bumiputera di IPTA – Muka 2**

**Majlis Tertinggi Umno tolak rayuan enam pemimpin – Muka 2**

Laporan memetik Perdana Menteri sebagai berkata, perlembagaan Umno tidak perlu dipinda kerana kelonggaran yang membenarkan kaum Cina menyertai Umno itu ter-

had kepada Sabah saja.

Dr Mahathir petang ini berkata, walaupun MT Umno mengalu-alukan keputusan Akar agar ahlinya menyertai Umno, timbul masalah

iaitu ada ahli parti berkenaan berketurunan Cina.

"Sesetengah atau kebanyakan mereka adalah Sino iaitu orang Cina yang sudahpun menjadi Bumiputera

kerana perkahwinan (campur) dan mereka sudah pun diiktiraf di Sabah sebagai Bumiputera.

"Ada juga orang Cina (tulen). Kita sanggup menerima semua mereka walaupun mereka bukan Sino, tetapi orang Cina. Tetapi ini terhad kepada ahli Akar saja, tidak terbuka kepada semua orang Cina di Sabah.

"Kita buat satu keputusan istimewa khas untuk itu saja, bukan terbuka kepada orang Cina dari Sabah pun.

**LHAT MUKA 2**

## Cina Sabah tidak boleh sertai Umno

**DARI MUKA 1**

Itu kesilapan yang dibuat oleh saya (semalam). Jadi waktu ini, orang Cina (di Sabah) tak boleh masuk Umno... masa depan saya tak tahulah," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai kemungkinan beliau melantik Setiausaha Politik dan Setiausaha Akhbar Perdana Menteri daripada kalangan orang Cina, Dr Mahathir berkata, tindakan itu tidak ada kena mengena dengan prestasi MCA.

"Tak ada kena mengena dengan MCA berkesan atau tidak. Saya berpendapat saya perlu ada hubungan terus. Saya perlu tahu apa pemikiran orang Cina. Demikian juga kalau saya cari setiausaha politik Melayu, tak bermakna Umno tak guna," katanya.

Mengenai percutian Tun Daim Zainuddin, beliau berkata, Menteri Kewangan itu akan kembali bertugas akhir bulan ini.